



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PEKERMA
LAILA DIRAJA DATO SERI SETIA AWANG HAJI HAZAIR
BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**SELAKU
TETAMU KEHORMAT
BAGI**

MAJLIS SAMBUTAN HARI WARGA EMAS 2011

**HARI AHAD,
24 ZULHIJAH 1432 BERSAMAAN 20 NOVEMBER 2011
JAM 7.45 PAGI**

**JERUDONG PARK PLAYGROUND
JERUDONG
DAERAH BRUNEI MUARA**

Bismillah Hirrahman Nir Rahim.

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Mursalin
Saidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.

Yang Mulia Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid
Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat
Selaku Pengerusi Majlis;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Negara;

Yang Mulia Awg Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato
Paduka Haji Hashim,
Pemangku Setiausaha Tetap,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Mulia Pegawai-Pegawai Daerah Brunei Muara, Tutong dan
Temburong;

Ketua-Ketua Jabatan & Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan,
Pengarah Urusan serta Pegawai-Pegawai Tabung Amanah Pekerja,

Para Warga Emas yang diraikan, serta hadirin dan hadirat yang saya
dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warah Matullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Majlis kerana telah berjaya menganjurkan Majlis Sambutan Hari Warga Emas 2011 anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Di Negara Brunei Darussalam, walaupun Warga Emas iaitu mereka yang mencapai umur 60 tahun keatas hanya merangkumi 5.4% daripada jumlah keseluruhan penduduk, namun mereka adalah juga merupakan salah satu aset negara yang penting . Tanpa adanya warga emas tidak akan lahir generasi baru. Sama ada selaku ibu ataupun bapa, mahupun nenek atau datuk, Warga Emas telah membantu membentuk siapa diri kita pada hari ini. Oleh itu, kebajikan dan kesejahteraan mereka perlu diambil berat dan dipikul bersama oleh setiap golongan masyarakat serta sektor Kerajaan mahupun sektor Swasta.

Warga emas merupakan warga yang penuh pengalaman dan mempunyai kepakaran dan kemahiran yang tidak ada nilainya. Selaku golongan yang lebih awal menjalani asam garam kehidupan, mereka telah banyak memberi sumbangan, nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar selama ini dan malah masih

mempunyai potensi untuk terus memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Sehubungan dengan ini golongan muda perlu menghindarkan sikap sombong dan meninggi diri terhadap warga emas walaupun pada zahirnya golongan generasi muda mempunyai pelajaran, pengetahuan dan kepandaian daripada institusi institusi pengajian tinggi serta mempunyai teknologi yang canggih.

Islam mengingatkan kepada kita bahawa rumah dan masyarakat yang berkat adalah yang terdapat didalamnya anggota keluarga dan masyarakat yang terdiri daripada orang orang tua yang sentiasa dimuliakan dan terpelihara kebajikan dan kesejahteraan mereka.

Dari Anas bin Malik, Rasullallah S.A.W telah bersabda “ Tiada seorang pemuda yang menghormati dan memuliakan seseorang yang tua usianya, melainkan Allah akan menentukan baginya orang lain yang menghormati kelak apabila dia pula mencapai usia tua” Hadis riwayat At Tarmizi.

Kita di Negara Brunei Darussalam telah di ajar dan berikan contoh yang terbaik untuk memuliakan dan menghormati serta menjaga kesejahteraan dan kebajikan warga emas di negara ini oleh Al Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sadul Khairi Waddien. Kerana Al Marhum mempunyai pegangan bahawa golongan warga emas mendatangkan keberkatan dan kebajikan kepada masyarakat dan negara.

Justeru itu, Di bawah pemerintahan Al Marhum telah diperkenalkan Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya 1954 yang telah memperuntukkan bagi satu Skim Pembayaran Pencen Umur Tua bagi semua Warganegara dan Penduduk Tetap yang telah mencapai umur 60 tahun setelah bermastautin di negara ini dalam tempoh yang telah ditentukan. Skim tersebut berhasrat untuk memastikan golongan Warga Emas di negara ini mendapat pemeliharaan yang secukupnya daripada pihak Kerajaan dan juga sebagai pengiktirafan dan penghargaan keatas sumbangan yang telah dan pernah diberikan oleh Warga Emas dalam pembangunan dan kemajuan negara.

Amalan Al Marhum terus dipelihara dan perembangkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dalamana sebagai tambahan untuk memastikan kehidupan yang lebih mampan (sustainable) dan bermakna, pada 1 Januari 2010, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meningkatkan umur persaraan wajib bagi warga perkhidmatan awam dalam Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) daripada 55 tahun kepada 60 tahun.

Satu Skim Pencen Caruman Tambahan, atau lebih dikenali sebagai SCP, juga telah berkuatkuasa pada tarikh yang sama bagi semua pekerja di sektor awam, sektor swasta dan juga digalakkan bagi mereka yang bekerja sendiri. Objektif Skim SCP ini adalah untuk memastikan Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan menerima pendapatan minimum sebanyak B\$150.00 setiap bulan setelah mencapai umur persaraan 60 tahun, disamping penerimaan Pencen Tua sebanyak B\$250.00 sebulan. Matlamat utama semua usaha-usaha ini ialah untuk

memastikan para Warga Emas kita akan dapat menjalani kehidupan yang terjamin di hari tua.

Para hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Kementerian yang bertanggungjawab terhadap hak, kebajikan dan kesejahteraan Warga Emas di negara ini, mengakui bahawa pembangunan secara inklusif yang melibatkan semua golongan masyarakat termasuk golongan Warga Emas adalah merupakan pembangunan yang progresif dan mampan (sustainable). Justeru itu, satu jawatankuasa bergelar Jawatankuasa Khas Warga Emas dan Orang Berkeperluan Khas telah ditubuhkan dibawah naungan Majlis Kebangsaan Isu Sosial.

Jawatankuasa ini antara lain memastikan dasar, undang-undang dan pelan tindakan disediakan bagi menangani isu Warga Emas dan Orang Berkeperluan Khas dan juga memastikan kerjasama yang erat antara agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan yang terdiri dari sektor swasta, persatuan-persatuan sukarelawan, badan-badan korporat dan perniagaan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung,

ibu bapa, ahli keluarga, anak-anak dan orang ramai dalam menangani Isu Warga Emas dan Orang Berkeperluan Khas.

Jawatankuasa Khas ini sedang meneliti Pelan Tindakan Warga Emas yang dihasratkan akan dapat dijadikan panduan untuk memajukan potensi warga emas agar mereka terus bergiat aktif dan produktif dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara serta memastikan menyediakan kemudahan-kemudahan yang tertentu untuk menjamin penjagaan dan perlindungan warga emas secara teratur dan terarah demi untuk kesejahteraan hidup mereka.

Sebagai langkah awal, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah memulakan perundingan untuk membangunkan Pusat Rekreasi Warga Emas yang akan dibina sebagai tambahan bangunan kepada salah satu Dewan Kemasyarakatan di Daerah Brunei Muara. Persetujuan dan kerjasama daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun diperolehi. Penubuhan Pusat Rekreasi ini bertepatan dengan strategi negara agar Warga Emas di negara ini akan dapat menjalani kehidupan yang aktif lagi produktif dengan mengisikan masa mereka dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat.

Pusat ini juga diharap akan menjadi salah satu “*community support centre*” khusus bagi golongan warga emas untuk mengadakan aktiviti atau program yang bermanfaat bagi warga emas khususnya dan bagi keluarga, masyarakat dan negara pada amnya.

Para Warga Emas yang diraikan serta hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

Upacara kita pada pagi ini merupakan salah satu lagi langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama sektor swasta, organisasi-organisasi bukan Kerajaan dan para individu dermawan untuk memastikan golongan Warga Emas menjalani kehidupan sehari senja dengan aktif dan bermakna. Tema yang dipilih, Meniti Usia Secara Sihat, sangat bertepatan dan selaras dengan usaha-usaha berterusan pihak yang berkepentingan ataupun “stakeholders” dalam memastikan Warga Emas diberi peluang untuk menjalani kehidupan aktif dengan mengamalkan aktiviti-aktiviti sihat dari segi fizikal mahupun mental.

Adalah diharapkan penglibatan ahli keluarga dan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti yang dirancang pada pagi ini akan dapat mengukuhkan lagi ikatan silaturrahim disamping memupuk semangat bantu membantu dan berkerjasama diantara semua pihak.

Sehubungan dengan ini, saya ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Jabatan Pembangunan Masyarakat, Tabung Amanah Pekerja, Bank Islam Brunei Darussalam, Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung, para sukarelawan, dermawan dan tidak kurangnya para Warga Emas sendiri kerana telah melibatkan diri berganding bahu untuk mengungkayahkan upacara yang berkebajikan ini. Semoga usahasama ini akan berterusankan demi untuk kebajikan dan kesejahteraan semua pihak jua.

Maka dengan bertawakal kehadiran Allah Subahanu Wata'ala dan dengan kalimah "Bismillahi Rahmannir Rahim" saya dengan ini merasmikan Majlis Sambutan Hari Warga Emas 20011 bagi Daerah Brunei Muara, Tutong dan Temburong.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalammuallaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.